

**Embargo: Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan mulai pada jam 1200, hari Rabu, 10 November 2021**



## KENYATAAN MEDIA

### BAGI INDEKS VOLUM PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, MALAYSIA, SUKEU TAHUN KETIGA 2021

---

**Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit menurun -11.3 peratus pada suku ketiga 2021**

**PUTRAJAYA, 10 NOVEMBER 2021** – Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit Malaysia merekodkan penurunan -11.3 peratus pada suku tahun ketiga 2021, pertumbuhan negatif pertama dalam tahun ini seperti yang dilaporkan hari ini dalam **INDEKS VOLUM PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT (2015=100), SUKU TAHUN KETIGA 2021**. Laporan ini juga memaparkan statistik indeks volum bagi Perdagangan Borong & Runcit mengikut subsektor.

Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia dalam kenyataan pada hari ini berkata, "Penurunan ini disumbangkan oleh subsektor Kenderaan Bermotor yang merosot -58.1 peratus. Ini diikuti oleh Perdagangan Runcit dan Perdagangan Borong masing-masing merekodkan kejatuhan -6.7 peratus dan -3.1 peratus. Bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, indeks volum Perdagangan Borong & Runcit merosot bagi suku ketiga berturut-turut untuk mencatatkan -3.7 peratus."

Beralih kepada prestasi mengikut subsektor, indeks volum Kenderaan Bermotor yang merosot -58.1 peratus tahun ke tahun adalah disebabkan terutamanya oleh Jualan, Penyelenggaraan & Pembaikan Motosikal yang merosot -74.6 peratus. Ketua Perangkawan turut menerangkan, "Penyelenggaraan & Pembaikan Kenderaan Bermotor, Jualan Kenderaan Bermotor dan Jualan Komponen & Aksesori Kenderaan Bermotor juga mencatatkan kejatuhan masing-masing dengan -56.6 peratus, -55.6 peratus dan -55.4 peratus. Bagi prestasi suku tahunan berbanding suku tahun kedua 2021, ia jatuh -32.2 peratus."

Mengulas lanjut prestasi indeks volum Perdagangan Runcit, beliau seterusnya memaklumkan bahawa penurunan -6.7 peratus bagi subsektor ini adalah didorong oleh Jualan Runcit di Kedai Pengkhususan dengan -12.6 peratus. Ini diikuti oleh Jualan Runcit Bahan Api Kenderaan -12.0 peratus, Jualan Runcit Barangani Isi Rumah -8.9 peratus, Jualan Runcit di Kedai Bukan Pengkhususan -6.1 peratus, Jualan Runcit Peralatan Informasi & Komunikasi -2.5 peratus dan Jualan Runcit Barangani Kesenian & Rekreasi -1.3 peratus. Sementara itu, indeks volum subsektor ini turun -1.6 peratus berbanding suku tahun yang lepas.


Dato' Sri Mohd Uzir Mahidin turut memaklumkan, "Indeks volum subsektor Perdagangan Borong juga menunjukkan trend negatif untuk mencatatkan pertumbuhan -3.1 peratus pada suku ketiga 2021 berbanding suku yang sama tahun 2020. Penurunan ini disumbangkan oleh Jual Borong Berdasarkan Kontrak atau Yuran dengan -21.2 peratus. Ini diikuti oleh Jualan Borong Barangani Isi Rumah dan Jualan Borong Jentera, Peralatan & Bekalan yang merekodkan pertumbuhan masing-masing -7.9 peratus. Untuk pertumbuhan suku tahunan, indeks volum Perdagangan Borong jatuh -0.9 peratus."

“Bagi indeks volum pelarasan musim, Perdagangan Borong & Runcit menurun -7.5 peratus berbanding suku kedua 2021. Semua subsektor mencatatkan pertumbuhan negatif iaitu Kenderaan Bermotor -38.2 peratus, Perdagangan Runcit -6.2 peratus dan Perdagangan Borong -4.8 peratus,” jelas beliau.

Aktiviti Semakan Kualiti (QC) dan Penyiasatan Liputan Banci (PES) bagi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan sepanjang November dan Disember 2021. Semua Penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam aktiviti yang dijalankan Banci Malaysia 2020 kerana “Data Anda Masa Depan Kita”. Sila Layari portal Banci Malaysia 2020 di [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) atau media social @ MYCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan **Hari Statistik Negara (MyStats Day)** pada 20 Oktober setiap tahun. Pengisytiharan ini telah mengiktiraf sumbangan ahli statistik dan profesion statistik di negara ini. Hari Statistik Negara ini juga boleh diraikan oleh agensi pengeluar, pembekal dan pengguna statistik serta pelbagai lapisan komuniti yang terdiri daripada agensi kerajaan, penyelidik, universiti dan sekolah serta masyarakat umum. Tema sambutan Hari Statistik Negara tahun 2021 ialah **“Connecting The World with Data We Can Trust”**.

**Carta 1: Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit, ST1 2018 – ST3 2021**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
10 NOVEMBER 2021**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hours, Wednesday, November 10, 2021**



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT  
FOR VOLUME INDEX OF WHOLESALE & RETAIL TRADE, MALAYSIA,  
THIRD QUARTER 2021**

---

***Volume Index of Wholesale & Retail Trade Malaysia declined -11.3 per cent  
in third quarter 2021***

**PUTRAJAYA, NOVEMBER 10, 2021 –** The volume index of Wholesale & Retail Trade Malaysia recorded a decline of -11.3 per cent in third quarter of 2021, the first negative growth this year as reported today in **VOLUME INDEX OF WHOLESALE & RETAIL TRADE (2015=100), THIRD QUARTER 2021**. This report also presents statistics on volume index of Wholesale & Retail Trade by sub-sector.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia in a statement today said, “The decline was attributed to Motor Vehicles sub-sector which slumped -58.1 per cent. This was followed by Retail Trade and Wholesale Trade which recorded a decrease of -6.7 per cent and -3.1 per cent, respectively. For quarter-on-quarter comparison, volume index decreased for the third consecutive quarter to register -3.7 per cent.”

*Moving on to performance across sub-sectors, volume index of Motor Vehicles which slumped -58.1 per cent year-on-year was mainly dragged down by Sales, Maintenance & Repair of Motorcycles which plunged -74.6 per cent. The Chief Statistician added that, "Similarly, Maintenance & Repair of Motor Vehicles, Sales of Motor Vehicles, and Sales of Motor Vehicle Parts & Accessories also plummeted -56.6 per cent, -55.6 per cent and -55.4 per cent, respectively. For the quarterly performance as compared to second quarter of 2021, volume index of Motor Vehicles tumbled -32.2 per cent."*

*Commenting further on the performance of volume index of Retail Trade, he also pointed out that the decline of -6.7 per cent in this sub-sector was pulled down by Retail Sales in Specialised Stores with -12.6 per cent. This was followed by Retail Sales of Automotive Fuels -12.0 per cent, Retail Sales of Household Goods -8.9 per cent, Retail Sales in Non-specialised Stores -6.1 per cent, Retail Sales of Information & Communication Equipment -2.5 per cent, and Retail Sales of Cultural & Recreation Goods -1.3 per cent. Meanwhile, volume index of Retail Trade fell -1.6 per cent as compared to last quarter.*


*Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added to note that, "Volume index of Wholesale Trade sub-sector also registered a negative trend to record -3.1 per cent growth in third quarter 2021 as compared to the same quarter in 2020. This contraction was attributed to Wholesale on a Fee or Contract Basis which dropped -21.2 per cent. This was followed by Wholesale of Machinery, Equipment & Supplies and Wholesale of Household Goods with -7.9 per cent, respectively. For quarterly growth, volume index of Wholesale Trade went down -0.9 per cent."*

*"As for seasonally adjusted volume index, Wholesale & Retail Trade declined -7.5 per cent as against the second quarter of 2021. All sub-sectors recorded negative growth namely Motor Vehicles -38.2 per cent, Retail Trade -6.2 per cent and Wholesale Trade -4.8 per cent," he explained.*

*The activities of Quality Check (QC) and Post Enumeration Survey (PES) for Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is ongoing in November and December 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate the said activities of Malaysia Census 2020 because “Your Data is Our Future”. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) or social media @MyCensus2020 for more info.*

*The Government of Malaysia has declared **National Statistics Day (MyStats Day)** on October 20 every year. The declaration has recognised the contributions of statisticians and the statistical profession in the country. National Statistics Day can also be celebrated by agencies that produce, providers and users of statistics as well as various levels of the community consisting of government agencies, researchers, universities and schools as well as the general public. The theme of MyStats Day in 2021 is “**Connecting The World with Data We Can Trust**”.*

**Chart 1: Volume Index of Wholesale & Retail Trade, Q1 2018 – Q3 2021**



*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**

**10 NOVEMBER 2021**